



قِبَابَةْ قُشَّارَهْ تَانَهْ دَانْ كَالِينْ تَرْغُكَانُو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU

Telefon : 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424 Faks : 09-622 9887 / 09-631 0078



PTG.TR G/05/1998//06/05 (1)

13 Oktober 2011
15 Zulkaedah 1432

Pentadbir Tanah,
KUALA TERENGGANU

Pentadbir Tanah,
KEMAMAN

Pentadbir Tanah,
DUNGUN

Pentadbir Tanah,
BESUT

Pentadbir Tanah,
HULU TERENGGANU

Pentadbir Tanah,
MARANG

Pentadbir Tanah,
SETIU

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL.1/2011

**PENGECUALIAN PREMIUM TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN MENUKAR SYARAT TANAH
DAN MENGEMBALIKAN KEPADA SYARAT SEBELUM INI DI BAWAH SEK. 124, KTN**

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung pengecualian bayaran premium tanah tambahan ke atas urusan/permohonan tukar syarat tanah dan mengembalikan kepada syarat asal sebelum ini dibawah Sek 124, KTN.



2. LATARBELAKANG

- 2.1. Pejabat ini telah menerima beberapa rungutan mengenai premium tambahan yang terpaksa dibayar semula oleh tuan tanah yang ingin menukar balik syarat tanah kepada syarat asal sebelum ini.
- 2.2. Sebagai contoh tuan tanah telah menukar syarat tanah daripada "Bangunan Kediaman" kepada "Bangunan Kedai" dimana premium tanah tambahan dikenakan. Berdasarkan senario ekonomi dan keadaan semasa tuan tanah berkenaan hendak menukar kembali syarat tanah tersebut kepada syarat asal sebelum ini iaitu "Bangunan Kediaman". Dalam hubungan ini tuan tanah berkenaan sekali lagi dikenakan bayaran premium tambahan.
- 2.3. Berdasarkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 1/1998 bertarikh 13 Januari 1998 berhubung Premium Tambahan Bagi Tanah- Tanah Yang Di Ubah Jenis kegunaan Di Bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/2002 bertarikh 18 Februari 2002 berhubung Pindaan Kadar Premium Tambahan Bagi Tanah-Tanah Berkategori "Pertanian" yang diubah syarat nyata di bawah seksyen 124(1)(c) Kanun Tanah Negara tidak dinyatakan berkait kes-kes terpencil seperti ini.

3. PENGECUALIAN

- 3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bermesyuarat kali ke 35 Tahun 2011 pada 28 September 2011 telah menimbangkan Kertas Mesyuarat Bil. 3201/2011 dan bersetuju:-
 - i) Mana-mana permohonan untuk menukar syarat tanah dan mengembalikan semula kepada syarat asal sebelum ini dikecualikan premium tanah tambahan.

- ii) Permohonan bagi pengecualian ini juga tertakluk kepada tanah yang belum dimajukan dan tidak ada apa-apa pembangunan diatas tanah tersebut.
- iii) **Apa-apa fee/yuran** pemerosesan keatas permohonan tukar syarat tersebut adalah kekal dan tidak diberi apa-apa pengecualian.

4. PEMAKAIAN DAN TARikh KUATKUASA

Arahan ini hendaklah digunakan dan mula berkuatkuasa daripada tarikh keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 28 September 2011.

Sekian, terima kasih.

"MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menuut perintah,


(DATO' TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu

s.k

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan Negeri,
TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Khidmat Pengurusan),
TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran),
TERENGGANU

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran dan Hakmilik),
TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pelupusan Tanah dan Galian),
TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian(Hasil),
TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Kuatkuasa),
TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Audit Pengurusan),
TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,
TERENGGANU

Pembantu Tadbir Tinggi (Ambil Balik/ Tukar Syarat)

Pembantu Tadbir (Tukar Syarat)

PTG.TR.00/40/1995//01/02 jld 3